

# Smart Rollator bantu pergerakan

Produk ini juga sesuai untuk digunakan oleh jemaah haji dan umrah yang tidak mampu berdiri lama dan berjalan jauh

Oleh Sarah Aina Shawal  
sara.haina.com.my

■ Hulu Selangor

Pribatin dengan kesukaran warga emas yang uzur dan sukar bergerak memberi inspirasi kepada pasukan inovasi Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor (SMKSH) yang berhasil produk Smart Rollator.

Ketua pasukannya, Irfan Mustaqim Dzulkarnine, 17, berkata produk yang boleh dijadikan sebagai alat bantuan berjalan dan juga kerusi roda itu membolehkan golongan berkenaan berjalan dengan mudah.

Beliau berkata, sebenarnya, Smart Rollator juga sesuai untuk digunakan oleh jemaah haji dan umrah yang memerlukan alat bantuan bergerak kerana tidak mampu untuk berdiri lama dan berjalan jauh.

"Produk ini juga mempunyai tempat untuk meletak lengkap-kelengkapan dan simpan barang dan minuman untuk kemudahan pengguna.

"Walaupun tidak menggunakan motor, produk ini mudah dikendali dengan ciri rekaan yang ringan, mudah diangkat, tahan lasak dan sesuai untuk kegunaan

harian," katanya kepada *BH SKOR*, baru-baru ini.

Kos murah

Irfan Mustaqim berkata, ciptaan itu tidak mengeluarkan belanja yang besar kerana menggunakan bahan yang mudah diperoleh dan pada harga yang murah.

Beliau berkata, produk yang cetusan ideanya berasal dari mereka pada 2014 dan memperbaikinya selama dua bulan itu sudah memenangi pelbagai pertandingan inovasi.

Antaranya ialah memang anggerah emas dan anugerah khas Korea pada Pameran Kreativiti Seni dan Kejuruteraan Antarabangsa ke-5 (PACI) 2016 di Indonesia, pingat perak pada simposium Antarabangsa Penyeleksian Rekaan Inovasi 2017 di Kuala Lumpur, anugerah emas pada Persidangan Bakal Saintis Antarabangsa 2016 serta pingat emas pada Pameran Reka Cipta Kejuruteraan dan Inovasi Antarabangsa (I-ENCI) 2015 di Petaling Jaya.

"Padahal mereka belum datang, kami akan menambah baik inovasi ini dengan meletakkan motor dan perlatalan lain yang dapat mempertingkatkan kualiti Smart Rollator," katanya.



Sebahagian daripada pelajar dan guru yang terbabit penghasilan produk Smart Rollator.

info.

## Smart Rollator

- Pasukan inovasi terdiri daripada Muhammad Hakeem Nasrudin, Wan Alif Wan Norazlan, Muhammad Najihan Mohd Nordin, Irfan Mustaqim Dzulkarnine, Muhammad Afiq Ikhwan Zaidi dan Amirul Imran Mohd Sepian
- Produk modifikasi daripada alat bantuan berjalan
- Boleh dilaras ketinggan ikut kesesuaian pengguna
- Mudah untuk disimpan



Smart Rollator produk Inovasi SMK Sains Hulu Selangor.